

Peperiksaan Percubaan bagi Pendaftaran Agen (UTE)

1. Sebagai seorang agen yang mempromosi skim amanah saham, apakah yang tidak boleh anda katakan kepada pelabur berpotensi?
 - A. Risiko yang terlibat dalam pelaburan skim amanah saham adalah serendah simpanan tetap.
 - B. Harga seunit adalah tidak tetap dan pada suatu masa, nilai pelaburan anda mungkin lebih rendah jika dibandingkan dengan nilai pelaburan awal.
 - C. Pulangan pelaburan amanah saham tidak dijamin
 - D. Anda harus mempelbagaikan portfolio pelaburan anda dan melabur sebahagian dari wang anda ke dalam simpanan tetap.

2. Pelaburan amanah saham boleh direka untuk menepati keperluan pelaburan seperti berikut :-
 - A. Pengumpulan kekayaan
 - B. Pendidikan anak
 - C. Dana Persaraan
 - D. Semua yang diatas

3. Salah satu kelebihan melabur dalam amanah saham adalah pengurusan profesional. Apakah yang dimaksudkan dengan “pengurusan profesional”?
 - A. Dana diurus oleh sepasukan profesional yang mempunyai kelayakan dan berpengalaman
 - B. Dana diurus oleh para profesional tanpa kos
 - C. Pulangan dijamin
 - D. Pelabur diberi nasihat secara profesional

4. Apakah saluran aduan yang terdapat untuk pelabur skim amanah saham?
 - A. OBAS(PDUT)
 - B. SPAS (UTMC)
 - C. FMUTM
 - D. Semua Di atas

5. Kategori pelaburan yang manakah dikehendaki menandatangani Penyata Pendedahan Risiko?
 - A. Pelaburan secara tunai dengan jumlah wang yang banyak
 - B. Pelaburan secara berulang-ulang melalui kaedah Pelan Simpanan Tetap
 - C. Pelaburan secara Penyeliaan Pinjaman/Pembiayaan Pelaburan
 - D. Skim pelaburan melalui KWSP

6. Dana yang manakah mempunyai risiko yang paling kurang?
 - A. Dana/tabung Pasaran Wang
 - B. Dana/tabung Indeks
 - C. Dana/tabung ekuiti.
 - D. Dana/tabung lindung nilai(hedge)

7. NAB mengandungi semua yang berikut kecuali :
- | | |
|---------------------------|--------------------------------|
| A. Yuran Pemegang Amanah. | C. Yuran Juruaudit. |
| B. Yuran Pengurusan. | D. Pengurusan Gaji Kakitangan. |
8. Pada hari Khamis, 14 September 2000, harga jualan seunit dalam akhbar adalah RM0.90. NAB seunit adalah RM0.85. Harga jualan seunit pada akhir hari dagangan ditutup pada harga RM0.92. Seorang pelabur melabur sebanyak RM15,000 pada hari yang sama. Berapa banyakkah unit yang diperolehi oleh pelabur berdasarkan pada harga hadapan?
- | | |
|-------------------|-------------------|
| A. 17,647.06 unit | C. 16,666.67 unit |
| B. 13,500.00 unit | D. 16,304.35 unit |
9. Kenyataan berikut adalah palsu MELAINKAN ...
- | |
|---|
| A. Seseorang individu yang ingin berdaftar untuk berurusniaga dalam industri amanah saham mesti memperolehi sekurang-kurangnya SPM Gred 3 atau bersamaan dengannya seperti yang dinyatakan oleh FMUTM |
| B. Seseorang individu yang ingin berdaftar di dalam industri amanah saham mesti berumur 18 tahun ke atas |
| C. Pengurus amanah saham tidak dibenarkan memiliki unit-unit amanah saham |
| D. SS adalah organisasi yang bertanggungjawab dalam pendaftaran OBAS. |
10. Amanah saham adalah satu cara melabur yang ideal untuk masa hadapan. Berikan faedah-faedah yang berkaitan dengan skim ini.
- | |
|---|
| I. Ia membentuk kesan portfolio dan peregangannya risiko pelaburan menyebabkan pulangan pelaburan yang lebih stabil |
| II. Ia dapat dibeli dan dijual dengan mudah |
| III. Dana amanah saham melabur dalam jumlah yang besar, menyebabkan transaksi secara ekonomiknya menjadi lebih menguntungkan |
| IV. Ia merupakan simpanan jangka panjang wajib yang menjamin pelabur pulangan konsisten jika bersamaan dengan kadar simpanan tetap. |
- | |
|----------------------|
| A. I & II |
| B. III & IV |
| C. I, II & III |
| D. Semua yang diatas |

11. Seorang pelabur melabur dengan bayaran tunggal dalam sebuah skim pada harga jualan RM1.00/unit. 5 tahun kemudian dia menebus pelaburannya pada harga belian RM1.20/unit dan jumlah yang diterima adalah sebanyak RM5760. Berapakah jumlah pelaburannya 5 tahun dahulu?
- A. RM 5800
B. RM 5500
C. RM 5000
D. RM 4800
12. Kelebihan kecairan ialah _____.
- A. Cair seperti wang tunai
B. Mudah untuk melabur dan menebus semula pada bila-bila hari perniagaan.
C. Pertukaran atau urusan transaksi berbentuk air.
D. Tiada jawapan di atas
13. Bagi pembiayaan pelaburan, pengagihan yang diisytiharkan akan di ...
- A. beri kepada Institusi Kewangan
B. beri kepada Pelabur/Peminjam
C. beri kepada Syarikat Pengurusan
D. dilabur semula
14. Yang manakah di antara berikut BENAR berkenaan skim pelaburan KWSP?
- A. Umur maksima 60
B. Boleh dikeluarkan setiap 6 bulan
C. Boleh melabur dalam mana-mana skim amanah saham
D. Baki dalam Akaun 2 tidak boleh digunakan
15. Pemegang unit boleh membuat aduan kepada yang berikut, KECUALI
- A. Suruhanjaya Sekuriti (SS)
B. Syarikat Pengurusan Amanah Saham (SPAS)
C. Orang Berurusan Unit Amanah Saham (OBUAS)
D. Kementerian Kewangan (KK)
16. Berdasarkan pada Panduan Skim Amanah Saham, berapa harikah yang mesti diberi sebagai tempoh pembekuan?
- A. Tidak boleh lebih dari 6 hari urusanniaga
B. Tidak boleh kurang dari 6 hari urusanniaga
C. Adalah bersamaan 6 hari urusanniaga
D. Adalah tidak bersamaan dengan 6 hari urusanniaga

17. Prinsip Purata Kos-Dolar adalah
- Suatu strategi yang melibatkan pembelian pada harga rendah dan penjualan pada harga tinggi
 - Satu cara untuk membeli amanah saham dan meminimalkan bayaran caj perkhidmatan
 - Satu cara pelaburan sistematik dengan amaun tetap
 - Satu cara menjual amanah saham dan meminimumkan pertumbuhan modal
18. Andaikan seorang pelabur menggunakan prinsip Purata Kos Dolar, kira purata kos seunit untuk pelabur, mengikut data yang diberi (bulatkan angka kepada 1 sen yang terdekat)

Tarikh	Harga Jualan	Amaun Pelaburan
Jan 2000	RM0.80	RM1200.00
Feb 2000	RM0.90	RM1200.00
Mac 2000	RM1.00	RM1200.00

- RM 0.89
 - RM 1.12
 - RM 0.90
 - RM 1.13
19. Pilih pernyataan yang benar...
- Matlamat utama Dana Pertumbuhan adalah Pertumbuhan Modal.
 - Amanah Saham Pendapatan bertujuan untuk mendapatkan pendapatan yang paling rendah.
 - Amanah Saham Islam adalah skim amanah saham, yang melabur mengikut Prinsip Syariah.
 - Matlamat utama dana amanah saham seimbang adalah membina modal dan memberi pendapatan daripada pelbagai portfolio pelaburan.
- I, II & III
 - II, III & IV
 - I, III & IV
 - Semua yang di atas
20. Manakah diantara maklumat berikut boleh didapati di dalam prospektus sebuah skim amanah saham ?
- Matlamat Pelaburan.
 - Pelaburan yang Dibenarkan.
 - Bayaran dan Caj.
 - Perbelanjaan Dana
- I,II & III
 - I & III
 - I, III & IV
 - Semua yang di atas

26. Bagi Amanah Saham Tidak Tersenarai, transaksi jualan dan belian unit-unit adalah dengan:
- | | |
|--------------------------|--------------------------|
| A. Broker Saham | C. Pemegang Amanah Saham |
| B. Pengurus Amanah Saham | D. Remisier. |
27. Seorang pelabur telah membuat pelaburan tunggal dalam sebuah skim pada harga jualan RM0.50 seunit. Selepas 3 tahun, dia bercadang untuk menebus pelaburannya pada harga belian RM1.00 seunit dan jumlah yang diterima adalah sebanyak RM5,760.00. Berapakah jumlah yang dilabur pada 3 tahun yang lepas?
- | | |
|----------------|-----------------|
| A. RM 2,880.00 | C. RM 5,760.00 |
| B. RM 1,920.00 | D. RM 11,520.00 |
28. Sila pilih kaedah pelaburan alternatif selain dari pelaburan amanah saham:
- I. Tunai dan simpanan tetap
 - II. Pelaburan Saham langsung
 - III. Pelaburan Harta langsung
 - IV. Pelaburan Persisiran Pantai
 - V. Produk Terbitan Kewangan
- | | |
|------------------|-----------------------|
| A. Tiada jawapan | C. I, II, III |
| B. IV, V | D. Semua yang di atas |
29. Cik Amy mempunyai RM100, 000 dalam KWSP. Berapakah jumlah wang yang dia ada dalam Akaun 1,2, dan 3 ?
- | |
|-----------------------------------|
| A. RM 50,000; RM 30,000; RM20,000 |
| B. RM 55,000; RM 30,000; RM25,000 |
| C. RM 60,000; RM 10,000; RM30,000 |
| D. RM 60,000; RM 30,000; RM10,000 |
30. Berdasarkan soalan no.29 di atas, berapakah jumlah yang dapat dikeluarkan oleh Cik Amy dari KWSP untuk melabur dalam amanah saham?
- | | |
|--------------|--------------|
| A. RM 55,000 | C. RM 10,000 |
| B. RM 50,000 | D. RM 2,000 |
31. Pengurus sebuah skim amanah saham mempunyai tanggungjawab berikut, KECUALI
- A. Memiliki semua aset dana
 - B. Pengurusan harian aset
 - C. Pengagihan unit
 - D. Pengiraan harga unit

38. Pada kadar pulangan sebanyak 4%, berapa lamakah masa diambil daripada jumlah RM100, 000 menjadi RM200, 000?
- A. 18 tahun
B. 18.5 tahun
C. 19 tahun
D. 17 tahun
39. Panduan-panduan berikut mesti dipatuhi oleh syarikat-syarikat pengurusan mengenai struktur dan saiz agensi **KECUALI**
- A. Seorang Pengurus Kumpulan Agensi tidak dibenarkan untuk menubuhkan sebuah pejabat agensi.
B. Seorang agen tidak dibenarkan mengendalikan pengambilan pekerja.
C. Jumlah peringkat dalam struktur agensi tidak boleh melebihi 4 peringkat .
D. Saiz sebuah unit tidak boleh melebihi 50 orang pada sepanjang masa.

Bagi soalan 40 dan 41,

Pelaburan Tunggal	: RM80, 000.00
Caj Perkhidmatan Permulaan	: 5%
Fi Pengurusan Berterusan	: 1.5%
Kadar Pulangan	: 10%

40. Apakah nilai pelaburan selepas 3 tahun?
- A. RM 88, 469.10
B. RM 100, 687.40
C. RM 89, 469.10
D. RM 97, 073.97
41. Andaikan fi pengurusan adalah 1.0% bukannya 1.5 %. Apakah nilai pelaburan selepas 3 tahun.
- A. RM 98,422.20
B. RM 90,295.60
C. RM 107,280.20
D. RM 97,073.97
42. Pada tahun 1980, dengan RM0.10 anda dapat membeli 4 biji gula-gula.Tetapi pada tahun 2000, dengan RM0.10 anda hanya dapat membeli 2 biji gula-gula. Apakah kadar inflasi bagi 20 tahun ini?
- A. 4.5 %
B. 3.6 %
C. 1.8 %
D. 7.2 %
43. Fi pengurusan sebenar atau had bayaran yang dikenakan mesti dipaparkan dalam Skim Amanah Saham berkenaan.
- A. Surat Ikatan Amanah
B. Prospektus
C. Bahan-bahan Pemasaran
D. Semua yang di atas.

44. Apakah tanggungjawab utama Syarikat Pengurusan Amanah Saham?
- I. Untuk mencapai objektif kewangan tabung/dana
 - II. Hanya berurusanniaga dalam pelaburan dan skim bagi pihak skim yang diuruskan SPAS
 - III. Untuk mengira unit jualan harian dan harga pembelian semula berdasarkan NAB bagi pelaburan.
 - IV. Pentadbiran dan pemasaran tabung/dana saham
 - V. Memastikan yang semua aset tabung/dana diinsurankan
- A. I dan II sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. I, II dan IV sahaja
 - D. Semua yang di atas
45. Dokumen manakah di antara berikut yang mentadbir operasi sebuah amanah saham?
- A. Prospektus
 - B. Surat Ikatan Amanah
 - C. Laporan Pengurus Amanah Saham
 - D. Laporan Pemegang Amanah
46. Manakah diantara berikut merupakan kebaikan perancangan kewangan yang berkesan?
- I. Ia membantu menentang inflasi
 - II. Ia memberi pulangan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan pelaburan pasaran saham
 - III. Ia memberi peta kepada matlamat kewangan seseorang individu
 - IV. Ia memberi “ketenangan minda” seseorang individu berhubung dengan situasi kewangan
- A. I, II, III
 - B. I, II, IV
 - C. I, III, IV
 - D. II, III, IV
47. Untuk menghadapi cabaran dari pelanggan-pelanggan yang sofistikated, OBUAS (PDUT) mesti berusaha seperti berikut, **MELAINKAN** :
- A. Mengekalkan tahap etika yang tinggi dalam pemasaran
 - B. Meningkatkan kefahaman produk
 - C. Jualan secara paksaan
 - D. Memperolehi kelayakan profesional yang sesuai

68. Dalam jangkamasa pada 01 Januari, 200x hingga 31 Disember, 200x, perbelanjaan yang ditanggung oleh dana adalah seperti berikut :

Fi Pengurusan	: RM35,000
Fi Pemegang Amanah	: RM8,000
Fi Juruaudit	: RM2,000
Caj Bank & lain-lain	: RM5,000

Saiz Purata dana adalah RM10,000,000
Sila kira jumlah KPP (MER)

- | | | | |
|----|------|----|------|
| A. | 0.5% | C. | 1.3% |
| B. | 1% | D. | 2% |

69. Manakah antara pernyataan berikut yang **TIDAK BENAR** ?

- A. Secara amnya, portfolio pelaburan unit amanah ditentukan oleh Pengurus Dana.
- B. SAS adalah satu mekanisme pelaburan yang membenarkan para pelabur yang berkongsi matlamat kewangan yang sama untuk mengumpul wang.
- C. Portfolio sesebuah pelaburan dibenarkan untuk menyertai hanya satu kelas aset sahaja.
- D. Para pelabur tidak membeli secara langsung sekuriti, dan hakmilik kepada dana dibahagikan dalam bentuk unit.

70. Kenyataan berikut adalah mengenai “ pengurusan jangkaan pelanggan ”. Kenyataan manakah adalah tidak benar?

- A. Untuk menguruskan jangkaan pelanggan, proses penjualan mesti meliputi ulasan dan penjelasan penuh mengenai pelbagai risiko yang berkaitan dengan pelaburan dalam amanah saham.
- B. Kita harus meningkatkan jangkaan pelanggan mengenai pelaburan amanah saham kerana ia merupakan rangkaian pelaburan yang menjanjikan pulangan tinggi dan istimewa.
- C. Dalam mengendalikan jangkaan pelanggan, kita perlu menerangkan kepada mereka apakah yang sebenarnya mereka beli. Kita perlu memastikan mereka faham kelebihan dan risiko dalam pelaburan.
- D. Jika jangkaan pelanggan tercapai, besar kemungkinan mereka akan berpuas hati.

71. Tujuan Perancangan Kewangan adalah termasuk...

- A. Memastikan pendapatan yang mencukupi apabila diperlukan.
- B. Memberi peta kepada matlamat kewangan.
- C. Memperbaiki gaya hidup masa kini dan masa hadapan.
- D. Semua yang di atas.

72. Prinsip Tata tertib Etika termasuk..
- I. Amanah, Digniti & Integriti
 - II. Urusan yang adil
 - III. Jujur
 - IV. Menarik
- A. I, II, III
 - B. I, II, IV
 - C. II, III, IV
 - D. Semua yang di atas
73. Apakah yang dimaksudkan dengan harga hadapan?
- A. Transaksi dibuat berdasarkan pada harga yang akan ditentukan pada akhir hari dagangan.
 - B. Transaksi dibuat berdasarkan pada harga yang ditentukan pada hari sebelumnya.
 - C. Transaksi dibuat berdasarkan pada harga yang telah ditentukan pada pembukaan hari pasaran saham.
 - D. Transaksi dibuat berdasarkan pada harga yang akan ditentukan pada awal minggu.
74. Perancangan Kewangan yang berkesan akan membantu seperti berikut, **KECUALI**
- A. Memperolehi pulangan pelaburan yang lebih tinggi daripada pelaburan saham langsung
 - B. Memastikan para pelabur mempunyai pendapatan yang mencukupi, apabila mereka memerlukan
 - C. Membantu menentang inflasi.
 - D. Memperbaiki gaya hidup pelabur pada masa kini dan masa hadapan.
75. Saiz suatu unit agensi mesti tidak lebih ____ orang sepanjang masa. Satu unit mengandungi 'penyelia' (didefinisi sebagai tiga peringkat teratas) dan kakitangan bawahan. Jika Penyelia C sudah mempunyai 15 orang kakitangan bawahannya, dia hanya dibenarkan merekrut seramai ____ orang kakitangan bawahannya.
- A. 50...34
 - B. 50...35
 - C. 49...34
 - D. Tiada had.
76. Manakah di antara berikut **BUKAN** merupakan tanggungjawab pengurus amanah saham?
- A. Memberi kemudahan pembelian-semula
 - B. Mencadangkan pembelian dan penjualan aset-aset.
 - C. Menyelia operasi.
 - D. Memberi perkhidmatan kepada pemegang unit.

77. Berikut adalah merupakan penggunaan tanda yang paling lazim untuk mengukur pulangan pelaburan amanah saham..
- | | | | |
|----|-------------------------------------|----|--------------------|
| A. | Kadar faedah simpanan tetap. | C. | Kadar dividen KWSP |
| B. | Indeks Komposit KL dan pulangannya. | D. | Semua yang di atas |
78. Sebuah amanah saham mengisytiharkan pengagihan kasar sebanyak 10 sen seunit. NAB sebelum pengagihan adalah sebanyak RM 250, 000,000 dan unit dalam edaran adalah = 200,000,000. Apakah NAB seunit bagi bekas/selepas-pengagihan?
- | | | | |
|----|---------|----|---------|
| A. | RM 1.15 | C. | RM 1.50 |
| B. | RM 1.13 | D. | RM 1.30 |
79. Manakah di antara berikut, yang perlu dinyatakan di dalam prospektus?
- | | |
|------|----------------------------|
| I. | Fi Pengurusan |
| II. | Caj Perkhidmatan Permulaan |
| III. | Matlamat Pelaburan |
| IV. | Strategi Pelaburan |
- | | | | |
|----|---------------|----|-------------|
| A. | I, II | C. | III, IV |
| B. | Semua di atas | D. | II, III, IV |
80. Pelabur M mempunyai jumlah pelaburan sebanyak RM250, 000.00 di dalam sebuah skim amanah saham. Sekiranya dia meminjam pada had maksima bagi pembiayaan kewangan, berapakah jumlah yang harus ditambah sendiri untuk pelaburannya?
- | | | | |
|----|-------------|----|-------------|
| A. | RM 150, 000 | C. | RM 82, 500 |
| B. | RM 87, 500 | D. | RM 167, 500 |